

Headline	TNB komited siapkan Projek Empangan Nenggiri 2026		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	14
ArticleSize	174 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,879		



## TNB komited siapkan Projek Empangan Nenggiri 2026

**GUA MUSANG** – Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri akan diteruskan meskipun mendapat tentangan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebahagian kecil komuniti Orang Asli di sini.

Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) negeri, Mustapha Kamal Yaacob berkata, pihak TNB komited memastikan

pembinaan Empangan Nenggiri siap mengikut jadual pada tahun 2026.

Katanya, projek Empangan Nenggiri juga akan memberi impak dan manfaat kepada seluruh rakyat negeri Kelantan.

"Bantahan yang dilakukan oleh penduduk itu adalah perkara biasa, namun yang terlibat secara langsung dengan projek ini

memang menyokong.

"Mereka sering bertanya tarikh siap projek ini akan dijalankan. Pihak TNB akan terus memberi penerangan dan perbincangan termasuk sesi libat urus dengan pihak yang tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas program pelepasan konvoi Pro-

gram Khidmat Masyarakat TNB-Air Asia ke Pos Tohoi dan Pos Gob di sini kelmarin.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri Nenggiri, Ab. Aziz Yusoff.

Sebelum ini, projek pembinaan Empangan Nenggiri di sini mendapat bantahan daripada kumpulan yang menentang projek itu apabila didakwa akan

menghapus identiti masyarakat Orang Asli dan hubungan mereka dengan alam sekitar.

Pengerusi Jaringan Kapung Orang Asli Kelantan (JKOAK) Mustafa Along berkata, cadangan projek itu akan menyaksikan kehilangan hutan, gua batu kapur dan kampung-kampung di sekitarnya yang seluas 5,384 hektar.